



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PEKELILING
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Tarikh : 26 Januari 2016

Bil: 1/2016

Ruj: UMS/PPI1.3.2/800-1/2/3

GARIS PANDUAN
SKIM GERAN INOVASI, UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (SGIUMS)

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan adalah bagi memaklumkan pemakaian Garis Panduan Skim Geran Inovasi, Universiti Malaysia Sabah (SGIUMS).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil 1/2016 (Kali Ke-70) yang bersidang pada 19 Januari 2016 telah bersetuju mengesahkan Garis Panduan Skim Geran Inovasi, Universiti Malaysia Sabah (SGIUMS).
- 2.2 Skim ini bertujuan untuk menggalakkan proses pemasaran dan promosi produk dan teknologi yang telah dihasilkan melalui penyelidikan, dengan memberi peluang penambahbaikan keterampilan dan daya persembahan produk dan teknologi berkenaan. Ia diperuntukkan khusus kepada para penyelidik yang tidak mempunyai peruntukan yang cukup daripada geran penyelidikan untuk memperkemas produk dan teknologi yang telah mereka hasilkan.
- 2.3 Skop pelaksanaan projek di bawah skim ini adalah:
 - a. Pembangunan prototaip – proses 'proof of concept'
 - b. Penambahbaikan prototaip – pembangunan 'ready to market' prototaip
 - c. Aklimatisasi – bagi pembangunan produk kultur/ bioteknologi dalam makmal yang perlu disesuaikan dengan persekitaran luar.
 - d. Skala naik – daripada skala makmal (*lab scale*) ke skala industri (*industrial scale*)

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Garis panduan ini merangkumi perkara-perkara berikut:

- a. Dokumen Garis Panduan Skim Geran Inovasi, Universiti Malaysia Sabah (SGIUMS).
- b. Borang Permohonan Skim Geran Inovasi UMS (SGIUMS), (Kod Rujukan Borang PPI/SGIUMS/1)
- c. Borang Laporan Prestasi Skim Geran Inovasi UMS (SGIUMS), (Kod Rujukan Borang PPI/SGIUMS/2)
- d. Borang Laporan Akhir Skim Geran Inovasi UMS (SGIUMS), (Kod Rujukan Borang PPI/SGIUMS/3)

3.2 Garis panduan ini boleh juga dimuat turun melalui laman web Pusat Penyelidikan dan Inovasi di url <http://www.ums.edu.my/ppiv2>

3.3 Sebarang pertanyaan lanjut mengenai garis panduan ini bolehlah menghubungi Seksyen Pengurusan Inovasi, Pusat Penyelidikan dan Inovasi.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil 1/2016 (Kali Ke-70) iaitu pada **19 Januari 2016**.

Sekian, terima kasih.

"BERTEKAD CEMERLANG"

Yang ikhlas,



PROFESOR DR. SHAHRIL BIN YUSOF

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Tarikh : 26 Januari 2016

s.k : Naib Canselor
Pendaftar
Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi
Fail



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**GARIS PANDUAN
SKIM GERAN INOVASI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(SGIUMS)**

KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

BAHAGIAN 1: PENGENALAN

1.1	Falsafah Skim Geran Inovasi UMS	3
1.2	Definisi Skim Geran Inovasi UMS	3
1.3	Tujuan Skim Geran Inovasi UMS	3
1.4	Bidang Projek Geran Inovasi	4

BAHAGIAN 2: PERMOHONAN

2.1	Kelayakan Permohonan	5
2.2	Prosedur Permohonan	5
2.3	Kriteria Penilaian	6
2.4	Peraturan Kewangan	6
2.5	Hasil Pelaksanaan Projek	7
2.6	Pengumuman Tarikh Buka Dan Tutup Permohonan	7

BAHAGIAN 3: PENILAIAN

3.1	Penilaian Skim Geran Inovasi UMS	8
-----	----------------------------------	---

BAHAGIAN 4: PEMANTAUAN

4.1	Implementasi Projek	9
4.2	Laporan Akhir	9

BAHAGIAN 5: LAIN-LAIN

5.1	Pengesahan Oleh Dekan/ Pengarah	10
5.2	Pertukaran Ketua Projek/ Pertambahan Dan Pengguguran Ahli Projek	10

Lampiran 1

Borang Permohonan

Lampiran 2

Borang Laporan Prestasi

Lampiran 3

Borang Laporan Akhir

BAHAGIAN 1: PENGENALAN

1.1 FALSAFAH SKIM GERAN INOVASI UMS

Sebagai sebuah universiti yang beraspirasi untuk menjadi universiti penyelidikan, UMS perlu menyuburkan budaya penyelidikan. Penghasilan penyelidikan ini pula perlu disebarluaskan untuk kemaslahatan sejagat serta pembangunan negara dan komuniti dalam bentuk pemindahan teknologi dan pengkomersilan kepada komuniti dan industri. Untuk ini sebuah dana khusus diperlukan. Skim Geran Inovasi UMS (SGIUMS) dapat membantu penyelidik memperkemas produk dan teknologi yang telah terhasil dari projek penyelidikan agar lebih kemas dan bersedia untuk diketengahkan dalam bentuk *prototype*, boleh pasar (*marketable*), dan diterima kumpulan sasaran.

1.2 DEFINISI SKIM GERAN INOVASI UMS

Skim ini merupakan geran projek bersifat jangka pendek (6-24 bulan) yang dibiayai oleh dana daripada sumber dalaman UMS. Ia **bukan bertujuan untuk penyelidikan** tetapi bantuan kepada penyelidik memperkemas produk dan teknologi yang telah dihasilkan agar lebih kemas dan *presentable* untuk kumpulan penerima sasaran.

1.3 TUJUAN SKIM GERAN INOVASI UMS

Skim ini bertujuan untuk menggalakkan proses pemasaran dan promosi produk dan teknologi yang telah dihasilkan melalui penyelidikan, dengan memberi peluang penambahbaikan keterampilan dan daya persembahan produk dan teknologi berkenaan. Ia diperuntukkan khusus kepada para penyelidik yang tidak mempunyai peruntukan yang cukup daripada geran penyelidikan untuk memperkemas produk dan teknologi yang telah mereka hasilkan. SGIUMS merupakan peruntukan kewangan kepada perekacipta yang perlu melaksanakan proses tambah baik ke atas produk, teknologi, proses, prototaip dan produk inovasi yang sedia ada tetapi masih belum sempurna dan memerlukan proses dan kerja tambahan.

Skop pelaksanaan projek di bawah skim ini adalah:

- i. Pembangunan prototaip – proses 'proof of concept'
- ii. Penambahbaikan prototaip – pembangunan 'ready to market' prototaip
- iii. Aklimatisasi – bagi pembangunan produk kultur/ bioteknologi dalam makmal yang perlu disesuaikan dengan persekitaran luar.
- iv. Skala naik – daripada skala makmal (*lab scale*) ke skala industri (*industrial scale*)

1.4 BIDANG PROJEK GERAN INOVASI

Pembiayaan skim ini meliputi bidang-bidang asas dan gunaan yang dapat menyokong pembangunan nic penyelidikan universiti dan nic penyelidikan institut atau fakulti selaras dengan bidang keutamaan penyelidikan di peringkat kebangsaan dan keperluan Negeri Sabah. Produk dan teknologi penyelidikan yang dihasilkan yang tidak secara langsung memenuhi kriteria nic tersebut, tetapi mempunyai potensi komersil dan pemindahan teknologi juga akan dipertimbangkan.

BAHAGIAN 2: PERMOHONAN

2.1 KELAYAKAN PERMOHONAN

- 2.1.1 Skim ini terbuka kepada pensyarah atau penyelidik yang mempunyai produk atau teknologi yang berpotensi untuk dipasarkan atau dipromosikan dengan penambahbaikan rekabentuk, penampilan dan kekemasan.
- 2.1.2 Produk atau teknologi yang berpotensi tersebut merupakan hasil penemuan penyelidikan yang telah dijalankan di UMS melalui projek biayaan agensi kerajaan, industri, swasta, antarabangsa dan geran dalaman UMS. Hasil penemuan daripada projek akhir pelajar/ biayaan fakulti (tanpa geran rasmi) juga boleh dipertimbangkan.
- 2.1.3 Siling untuk skim ini adalah RM20,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu) dengan jangkamasa projek selama 6-24 bulan sahaja.
- 2.1.4 Pemohon hanya dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik bagi satu projek SGIUMS sahaja dalam satu masa.
- 2.1.5 Pensyarah yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik. Walaubagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam projek SGIUMS yang diluluskan.
- 2.1.6 Permohonan projek SGIUMS yang baru bagi mereka yang telah diluluskan projek SGIUMS sebelum ini, akan diberi pertimbangan dengan mengemukakan bukti projek SGIUMS telah selesai sepenuhnya.

2.2 PROSEDUR PERMOHONAN

- 2.2.1 Permohonan untuk SGIUMS perlu menggunakan **Borang PPI /SGIUMS/1** (Borang Permohonan Skim Geran Inovasi UMS).
- 2.2.2 Semua permohonan hendaklah diperakukan oleh FPIU masing-masing. Hanya permohonan yang disokong oleh pihak FPIU sahaja yang akan dipertimbangkan untuk penilaian dan kelulusan seterusnya.
- 2.2.3 Pihak penyelidik diminta untuk menyatakan geran atau sumber kewangan dari peringkat awal projek penyelidikan sehingga ke tahap memerlukan pembangunan prototaip.
- 2.2.4 Bagi projek yang melibatkan manusia atau haiwan, penyelidik perlu mendapatkan kelulusan jawatankuasa etika yang berkaitan.

- 2.2.5 Bagi produk bioteknologi yang melibatkan *genetic modified organisms* (GMO) hendaklah mendapat perakuan serta perakuan Jawatankuasa *Biosafety* UMS sebelum melaksanakan projek berkenaan.

2.3 KRITERIA PENILAIAN

- 2.3.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan projek yang dapat menghasilkan penambahbaikan penampilan dan kekemasan produk atau teknologi yang mempunyai potensi promosi dan pengkomersilan serta pemindahan teknologi; dan
- 2.3.2 Projek yang dapat menambahbaik daya persembahan, keterampilan, persembahan, kekemasan, dan keboleh pasaran produk atau teknologi sediaada; dan
- 2.3.3 Projek yang merangkumi isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; atau
- 2.3.4 Projek yang berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.

2.4 PERATURAN KEWANGAN

- 2.4.1 Perkara-perkara berikut tidak dibenarkan untuk digunakan di bawah SGIUMS:
- i. Penghasilan pelan perniagaan (*Business plan*)
 - ii. Permohonan dan pendaftaran Harta Intelek (*IP filing & registration*)
 - iii. Pameran dan promosi produk (*Exhibition & promotion*)
 - iv. Pembentangan persidangan (*Conference presentation*)
- 2.4.2 Prosedur pembelian serta penggunaan wang SGIUMS harus mematuhi peraturan kewangan serta pekeliling kewangan yang digunapakai dan sedang berkuatkuasa di UMS.
- 2.4.3 **Vot 11000** – Upah dan Elaun Pegawai/ Pembantu Penyelidik (RO/RA) termasuk enumerator
Siling upah dan elaun bagi RO/ RA/ Enumerator adalah tidak melebihi 30% daripada jumlah geran.
- 2.4.4 **Vot 21000** – Perjalanan dan pengangkutan
Perjalanan domestik (yang sangat perlu sahaja) yang berkait langsung dengan projek serta melebihi 15% daripada jumlah geran.
- 2.4.5 **Vot 24000** – Sewaan
Sewaan peralatan yang tidak terdapat di UMS sahaja dibenarkan.

- 2.4.6 **Vot 27000** – Bekalan dan bahan
Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan pembangunan prototaip sahaja.
- 2.4.7 **Vot 29000** – Perkhidmatan
Perkhidmatan ikhtisas yang tidak terdapat di UMS sahaja dibenarkan.

2.5 HASIL PERLAKSANAAN PROJEK

- 2.5.1 Produk dan teknologi yang telah dikemaskini, memenuhi kriteria yang ditetapkan serta mencapai objektif asal permohonan SGIUMS yang dikemukakan oleh pemohon.
- 2.5.2 Hak Harta Intelek - Penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelek sekiranya perlu melalui PPI. Hak harta intelek ke atas produk dan teknologi yang dimaksudkan adalah milik UMS.
- 2.5.3 Projek yang telah tamat hendaklah mengemukakan permohonan Skim Geran Prototaip (PRGS) yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- 2.5.4 Perlindungan dan pengkomersilan harta intelek tersebut hendaklah mematuhi Polisi Harta Intelek UMS.

2.6 PENGUMUMAN TARIKH BUKA DAN TUTUP PERMOHONAN

Permohonan untuk Geran Inovasi UMS adalah dibuka sepanjang tahun. Pihak PPI akan memproses dan memaklumkan keputusan permohonan dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima oleh Pejabat PPI.

BAHAGIAN 3: PENILAIAN

3.1 PENILAIAN SKIM GERAN INOVASI UMS

- 3.1.1 Permohonan Skim Geran Inovasi UMS akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang-bidang penelitian dan kepakaran yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing.
- 3.1.2 Pengerusi-pengerusi bagi setiap Jawatankuasa akan memperakukan permohonan projek yang telah dinilai kepada Jawatankuasa Induk Skim Geran Inovasi UMS yang dipengerusikan oleh TNC (P&I) untuk diluluskan.
- 3.1.3 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain garis panduan yang berkaitan di UMS.

BAHAGIAN 4: PEMANTAUAN

4.1 IMPLEMENTASI PROJEK

- 4.1.1 Semua projek yang diluluskan di bawah Skim Geran Inovasi UMS akan dipantau oleh PPI dari aspek: (i) Prestasi projek; dan (ii) Prestasi kewangan.
- 4.1.2 PPI akan melaksanakan pemeriksaan fizikal/ lawatan tapak bagi tujuan verifikasi dengan melakukan lawatan ke makmal terlibat tertakluk sekiranya dirasakan perlu.
- 4.1.3 PPI juga berhak untuk menamatkan lebih awal projek yang tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan.
- 4.1.3 Projek dengan tempoh melebihi 12 bulan dikehendaki menghantar laporan prestasi setiap 6 bulan dengan melengkapkan **Borang PPI/SGIUMS/2** (Borang Laporan Prestasi Projek SGIUMS).

4.2 LAPORAN AKHIR

Laporan akhir pelaksanaan projek perlu dihantar dalam tempoh 3 bulan selepas projek disiapkan dengan menggunakan **Borang PPI/SGIUMS/3** (Laporan Akhir Skim Geran Inovasi UMS). Penyata kewangan yang menunjukkan butiran perbelanjaan dan penggunaan geran hendaklah disertakan.

BAHAGIAN 5: LAIN-LAIN

5.1 PENGESAHAN OLEH DEKAN/ PENGARAH

Pengesahan bagi aktiviti dalam menjalankan projek (termasuk proses kewangan projek mestilah melalui Dekan/ Pengarah atau Timbalan Dekan/ Timbalan Pengarah (P&I) SPIU semasa ketiadaan Ketua Jabatan masing-masing. Perkara ini terpakai kepada pensyarah yang memegang jawatan pengurusan di jabatan lain.

5.2 PERTUKARAN KETUA PROJEK/ PERTAMBAHAN DAN PENGGUGURAN AHLI PROJEK

Sebarang permohonan untuk menukar Ketua Projek, menambah atau menggugurkan ahli projek hendaklah dipohon dengan menulis surat rasmi kepada Pejabat PPI melalui Dekan/ Pengarah atau Timbalan Dekan/ Timbalan Pengarah (P&I) FPIU masing-masing.

LAMPIRAN 1

Kod Rujukan:

(Diisi oleh Urusetia)

**BORANG PERMOHONAN
SKIM GERAN INOVASI UMS**

(Pindaan Tahun 2015)

UMS INNOVATION GRANT SCHEME APPLICATION FORM



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tiga (3) salinan borang ini hendaklah dihantar ke Pejabat Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Tingkat 4, Blok Utara, Bangunan Canselori, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu

Three (3) copies of this form must be submitted to the Center for Research and Innovation office, Level 4, North Block, Chancellory Building, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu

[Borang yang tidak lengkap akan ditolak/Incomplete form will be rejected]

A	TAJUK PROJEK INOVASI YANG DICADANGKAN : TITLE OF PROPOSED INNOVATION PROJECT:	
B	MAKLUMAT KETUA PROJEK / DETAILS OF PROJECT LEADER	
B (i)	Nama Ketua Projek: Name of Project Leader:	No. Kad Pengenalan/Pasport: IC/Passport Number:
B (ii)	Fakulti/Pusat/Institut/Unit: Faculty/Centre/Institute/Unit:	
B (iii)	No. Telefon Pejabat: Office Telephone No.:	Handphone No.: No. Telefon Bimbit:
B (iv)	Alamat e-mel: E-mail Address:	
B (v)	Tarikh mula berkhidmat dengan Universiti ini: Date of first appointment with this University:	
B (vi)	Jenis Perkhidmatan [Sila tandakan (√)]: Type of service [Please tick (√)]:	
	<input type="checkbox"/> Tetap Permanent	<input type="checkbox"/> Kontrak (Nyatakan tarikh tamat kontrak): _____ Contract (State contract expiry date)

C	MAKLUMAT PROJEK INOVASI / INNOVATION PROJECT INFORMATION						
C (i)	<p>Skop Pelaksanaan Projek Inovasi [Sila tandakan (✓)]: <i>Innovation Project Implementation Scope [Please tick (✓)]:</i></p> <table border="0"> <tr> <td><input type="checkbox"/> Pembangunan prototaip / <i>Prototype development</i></td> <td><input type="checkbox"/> Aklimatisasi / <i>Acclimatization</i></td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> Penambah baikan prototaip / <i>Prototype improvements</i></td> <td><input type="checkbox"/> Skala naik / <i>Upscaling</i></td> </tr> <tr> <td colspan="2"><input type="checkbox"/> Lain-lain (Nyatakan) _____</td> </tr> </table>	<input type="checkbox"/> Pembangunan prototaip / <i>Prototype development</i>	<input type="checkbox"/> Aklimatisasi / <i>Acclimatization</i>	<input type="checkbox"/> Penambah baikan prototaip / <i>Prototype improvements</i>	<input type="checkbox"/> Skala naik / <i>Upscaling</i>	<input type="checkbox"/> Lain-lain (Nyatakan) _____	
<input type="checkbox"/> Pembangunan prototaip / <i>Prototype development</i>	<input type="checkbox"/> Aklimatisasi / <i>Acclimatization</i>						
<input type="checkbox"/> Penambah baikan prototaip / <i>Prototype improvements</i>	<input type="checkbox"/> Skala naik / <i>Upscaling</i>						
<input type="checkbox"/> Lain-lain (Nyatakan) _____							
C (ii)	<p>Penyelidikan pembangunan prototaip adalah lanjutan daripada geran: <i>Prototype development research is continuation from grant:</i></p> <p>Kod Geran (didaftar di PPI) : _____ <i>Grant's Code (registered with PPI)</i></p> <p>Peratusan (%) penggunaan geran : _____ <i>Percentage (%) of grant's utilization</i></p> <p>Tahun kelulusan : _____ <i>Year Approved</i></p> <p>Jumlah Diluluskan : _____ <i>Amount Approved</i></p> <hr/> <p>Geran Lain : _____ <i>Other Grant</i></p> <p>Tajuk Geran : _____ <i>Grant's Title</i></p> <p>Peratusan (%) penggunaan geran : _____ <i>Percentage (%) of grant's utilization</i></p> <p>Tahun kelulusan : _____ <i>Year Approved</i></p> <p>Jumlah Diluluskan : _____ <i>Amount Approve</i></p>						
C (iii)	<p>Mod Pelaksanaan Projek Inovasi / Implementation Mode of Innovation Project</p> <p><input type="checkbox"/> Proses dalaman UMS / <i>UMS internal process</i> _____ % (nyatakan/state)</p> <p><input type="checkbox"/> Proses luaran / <i>Outsource</i> _____ % (nyatakan/state)</p>						
C (iv)	<p>Tempoh Pelaksanaan Projek Inovasi (Maksimum 24 bulan): <i>Duration of Innovation Project Implementation (Maximum 24 months):</i></p>						

Tempoh : _____ Bulan Dari : _____ Hingga : _____
 Duration Months From To

C (v) Ahli-ahli penyelidik lain / Other researchers:
 (Sila keipikan *curriculum vitae* ringkas /Please include your brief curriculum vitae)

Bil. No	Nama Name	No. Kad Pengenalan/ Pasport IC / Passport Number:	Sekolah/Pusat /Institut/Unit School/ Centre/ Institute/ Unit	Tahap Kelayakan Akademik/Jawatan Academic Qualification/ Designation	Tandatangan Signature
1					
2					
3					

C (vi) Ringkasan Cadangan Eksekutif Projek Inovasi (Maksima 200 patah perkataan)
 (Meliputi latar belakang projek, objektif, kaedah pelaksanaan dan jangkaan hasil projek)

Executive Summary of Innovation Project Proposal (maximum 200 words)
 (Please include the background of the project, objectives, implementation method and expected project output).

Should address the following;

- A. State the current scenario
Nyatakan senario semasa.
- B. What is wrong with current scenario?
Nyatakan apakah masalah dengan senario semasa ?
- C. State the solution
Nyatakan penyelesaian.
- D. Describe the working principle behind the solution
Huraikan prinsip kerja bagi penyelesaian tersebut.
- E. Why is your solution better than your competitors?
Huraikan mengapa penyelesaian anda adalah lebih baik daripada penyelidik lain.

C (vii) Deskripsi Projek Inovasi (Innovation Project Description)

(1) Latar Belakang Projek (Project Background)

- Asal usul projek, (misalnya geran peyelidikan mana, jika ada), status sekarang, kekurangan atau kepincangan, keperluan penambahbaikan, potensi dikomersialkan.
- (Origin of project (which research grant if any), current status, limitation or shortcomings,

upgrading requirements, commercialization potential).

- Research background including summary of previous research related to the prototype development.
Nyatakan latar belakang kajian termasuk ringkasan dari kajian terdahulu yang berkaitan dengan pembangunan prototaip.
- State the problem statement.
Nyatakan permasalahan kajian.
- Description of prototype including its originality, innovativeness, special features and indicate strategies to be used that will make the product competitive.
Huraikan prototaip yang merangkumi keaslian, inovasi, ciri-ciri khusus dan menunjukkan strategi yang digunakan bagi menghasilkan produk yang kompetitif.
- Description of the state of the art including information on similar product available in the market and existing market size.
Huraian ciri-ciri khusus produk yang mempunyai kesamaan dengan produk yang sedia ada di pasaran.
- Describe how the developed prototype can contribute to wealth creation, enhance quality of life and create or consolidate new industries.
Huraikan bagaimana pembangunan prototaip dapat menyumbang dalam meningkatkan penciptaan, kualiti hidup, mencipta atau memperkukuhkan industri-industri baru.
- If development cost for the prototype is more than the PRGS ceiling, state how you plan to obtain the remaining fund.
Jika kos pembangunan prototaip melebihi siling PRGS, nyatakan bagaimana perancangan anda untuk mendapatkan lebihan dana.
- Provide the activities and potential funding sources to bring the developed prototype to commercialization.
Menyediakan aktiviti dan sumber dana yang berpotensi kepada pembangunan prototaip untuk pengkomersilan.

(2) Objektif Projek (Project Objectives)

Contoh (example):

- Membina model jentera XYZ (*Develop model for XYZ machine*).
- Mengemaskini sistem pendawaian robotik (*Update robotic wiring system*)
- ...

(3) Kaedah Pelaksanaan (Implementation Method)

- Description of Methodology
Huraian kaedah penyelidikan
- Flow Chart of Research Activities (Please enclose in the Appendix)
Carta Alir Aktiviti Penyelidikan (Sila lampirkan)
- Gantt Chart of Research Activities (Please enclose in the Appendix)
Carta Aktiviti Penyelidikan (Sila lampirkan)
- Milestones and Dates
Carta perbatuan dan tarikh.

	<p>(4) Jangkaan Hasil Projek (Expected Project Output)</p> <p>Contoh (Example):</p> <ul style="list-style-type: none"> - Prototaip (Prototype) - Produk Sempurna (Finished Product) - Proses Lengkap (Completed Process) - ... <p>(5) Potensi untuk Dikomersialkan (Commercialization Potential)</p> <p>Contoh (Example):</p> <ul style="list-style-type: none"> - Siapa pengguna (Potential Users) - Siapa pembuat (Potential manufacturer or producer) - Kerjasama Industri (Industrial Collaboration)
--	---

D	BELANJAWAN / BUDGET
----------	----------------------------

Sila nyatakan anggaran bajet bagi cadangan projek ini dan berikan butir – butir perbelanjaan lengkap dengan berpandukan kepada garis panduan yang dilampirkan /Please indicate your estimated budget for this project and details of expenditure according to the guidelines attached.

	Perbelanjaan / Expenditure	Butiran Perbelanjaan serta Anggaran (RM)/ Details of Expenditure with Estimation (RM)	Jumlah Di mohon/ Requested Amount (RM)
D (i)	Vot 11000 – Upah dan Elaun bagi khidmat luar pelaksanaan projek inovasi sahaja / Salary and wages only for external service for innovation project implementation		
D (ii)	Vot 21000 – Perjalanan dan Pengangkutan / Travelling and Transportation		
D (iii)	Vot 24000 – Sewaan bagi peralatan yang tidak terdapat di UMS sahaja / Rental for equipment not available in UMS only		
D (v)	Vot 27000 – Bekalan dan Bahan/ Materials & Supplies		
D(vi)	Vot 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas yang tidak terdapat di UMS sahaja/ Professional Services which is not available in UMS only		
JUMLAH KESELURUHAN / TOTAL AMOUNT (RM)			

F	PERAKUAN PEMOHON [SILA TANDAKAN (✓) / DECLARATION BY APPLICANT [PLEASE TICK (✓)]:
	<p>Saya dengan ini mengaku bahawa semua maklumat yang diisi adalah benar. UMS dan PPI berhak menolak permohonan atau membatalkan tawaran pada bila-bila masa sekiranya keterangan yang dikemukakan adalah tidak benar.</p> <p><i>I hereby declare that all information stated here are accurate. UMS and PPI has the right to reject or to cancel the offer without prior notice if there is any inaccurate information given.</i></p> <p>Tarikh : _____ Date : _____</p> <p>Tandatangan Pemohon : _____ Applicant's Signature :</p>
G	<p>PERAKUAN DEKAN/PENGARAH/KETUA UNIT ATAU TIMBALAN DEKAN/PENGARAH (P&I) RECOMMENDED BY DEAN/DIRECTOR/HEAD OF UNIT OR DEPUTY DEAN/DIRECTOR (R&I)</p> <p><input type="checkbox"/> Diperakukan untuk dikemukakan ke PPI / <i>Application is endorsed to be submitted to PPI</i></p> <p><input type="checkbox"/> Tidak diperakukan / Not endorsed</p> <p>Ulasan: Comments:</p> <p>-----</p> <p>-----</p> <p>-----</p> <p>Nama: _____ Name: _____</p> <p>Tandatangan: _____ Signature: _____</p> <p>Tarikh: _____ Date: _____</p>

NOTA: SEMUA PERMOHONAN DIANGGAP SULIT. KEPUTUSAN JAWATANKUASA INDUK SKIM GERAN INOVASI UMS ADALAH MUKTAMAD.

NOTE: SUBMITTED APPLICATIONS WILL BE TREATED AS CONFIDENTIAL. THE DECISION OF THE UMS INNOVATION GRANT SCHEME MAIN COMMITTEE IS FINAL.

LAMPIRAN 2

**BORANG LAPORAN PRESTASI
SKIM GERAN INOVASI (SGI) UMS**
PROGRESS REPORT FOR UMS INNOVATION GRANT SCHEME



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

A

TAJUK PROJEK : _____
Project Title

KETUA PROJEK : _____
Project Leader

SCHOOL/CENTRE/INSTITUTE/UNIT : _____
Sekolah/Pusat/Institut/Unit

AHLI PENYELIDIK/PEMBANTU PENYELIDIK : _____
Project Members/ Research Assistant

TEMPOH PROJEK : _____ **Bulan** **Mula:** _____ **Tamat:** _____
Project Duration *Months* *From* *To*

LAPORAN PRESTASI BAGI : **Januari – Jun** **Julai – Disember** **TAHUN:** _____
For Milestone *January - June* *July - December* *Year*

PRESTASI PROJEK (Project Achievement)

B

PERATUS PENCAPAIAN (Achievement Percentage)

Prestasi projek berdasarkan milestone yang dicapai sehingga kini <i>(Project progress according to milestones achieved up to this period)</i>	0 - 25%	26 - 50%	51 - 75%	76 - 100%
Peratus (Percentage)				

HASIL PROJEK (Project Output)

Peratus siap pembinaan prototaip <i>Fully Developed Prototype (% completion)</i>	
Hak Harta Intelek <i>Intellectual Property Right</i> <i>(Please specify patent/ utility innovation/ industrial design/ copyright/ trade secret/ know-how)</i>	
Permohonan geran pra-pengkomersilan <i>Application for pre-commercialization funds</i>	
Rakan Industri yang dikenalpasti untuk pengkomersilan <i>Identified industry partner for commercialization</i>	

PEMBANGUNAN MODAL INSAN (*Human Capital Development*)

Modal Insan (<i>Human Capital</i>)	Jumlah (<i>Number</i>)	Lain-lain (Others) <i>please specify</i>
Pegawai Penyelidik/ Pembantu Penyelidik <i>Research Officer/ Assistant</i>		Enumerator etc
Keseluruhan (Total)		

PERBELANJAAN (*Expenditure*)

C	Peruntukan diluluskan (<i>Budget Approved</i>)	: RM
	Jumlah Perbelanjaan (<i>Amount Spent</i>)	: RM
	Baki (<i>Balance</i>)	: RM _____
	Peratus Perbelanjaan (<i>Percentage of Amount Spent</i>)	: _____ %

RINGKASAN PENEMUAN PROJEK (*Summary of Research Findings*)**D****MASALAH/ KEKANGAN SEKIRANYA ADA** (*Problems/ Constraints If Any*)**E****CADANGAN PENYELESAIAN** (*Proposed Solution*)**F****Tarikh** :
*Date***Tandatangan Ketua Projek** :
*Project Leader's Signature:***KOMEN, (SEKIRANYA ADA) PENGESAHAN OLEH DEKAN/PENGARAH ATAU TIMBALAN DEKAN/PENGARAH (P&I)**
*Comments, (if any) Endorsement by Dean/Director or Deputy Dean/Director (R&I)***G****Tarih:**
*Date***Tandatangan:**
*Signature***KOMEN, (SEKIRANYA ADA) PENGESAHAN OLEH PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI**
*(Comments, (if any) Endorsement by Director of Centre for Research and Innovation)***H****Tarih:**
*Date***Tandatangan:**
Signature

LAMPIRAN 3

**BORANG LAPORAN AKHIR
SKIM GERAN INOVASI (SGI) UMS**
FINAL REPORT FOR UMS INNOVATION GRANT SCHEME



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

A

TAJUK PROJEK
Project Title : _____

KETUA PROJEK
Project Leader : _____

FACULTY/CENTRE/INSTITUTE/UNIT
Fakulti/Pusat/Institut/Unit : _____

AHLI PENYELIDIK
Project Members : _____

TEMPOH PROJEK
Project Duration : _____ Bulan Months Mula: _____ From Tamat: _____ To

PRESTASI PROJEK (Project Achievement)

B

PERATUS PENCAPAIAN (Achievement Percentage)				
Prestasi projek berdasarkan milestone yang dicapai sehingga kini (Project progress according to milestones achieved up to this period)	0 - 25%	26 - 50%	51 - 75%	76 - 100%
Peratus (Percentage)				
HASIL PROJEK (Project Output)				
Peratus siap pembinaan prototaip Fully Developed Prototype (% completion)				
Hak Harta Intelek Intellectual Property Right (Please specify patent/ utility innovation/ industrial design/ copyright/ trade secret/ know-how)				
Permohonan geran pra-pengkomersilan Application for pre-commercialization funds				
Rakan Industri yang dikenalpasti untuk pengkomersilan Identified industry partner for commercialization (Status perbincangan/ persetujuan dengan raka industri)				
Potensi pengkomersilan produk setelah penambahbaikan Commercialization potential of improved produk				
PEMBANGUNAN MODAL INSAN (Human Capital Development)				
Modal Insan (Human Capital)	Jumlah (Number)	Lain-lain (Others) please specify		
Pegawai Penyelidik/ Pembantu Penyelidik Research Officer/ Assistant		Enumerator etc		
Keseluruhan (Total)				

PERBELANJAAN (*Expenditure*)

C Peruntukan diluluskan (*Budget Approved*) : RM
 Jumlah Perbelanjaan (*Amount Spent*) : RM
 Baki (*Balance*) : RM _____
 Peratus Perbelanjaan : _____ %
 (*Percentage of Amount Spent*)

AKTIVITI TAMBAHAN YANG MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN
(*Additional Activities That Contribute Towards Entrepreneurship Skills*)

D	Antarabangsa (<i>International</i>)		
	Activiti (<i>Activity</i>)	Tarikh (Bulan, Tahun) Date (<i>Month, Year</i>)	Penganjur (<i>Organizer/Host</i>)
	Kebangsaan (<i>National</i>)		
	Activiti (<i>Activity</i>)	Tarikh (Bulan, Tahun) Date (<i>Month, Year</i>)	Penganjur (<i>Organizer/Host</i>)

MASALAH/ KEKANGAN SEKIRANYA ADA (*Problems/ Constraints If Any*)**E****CADANGAN PENYELESAIAN** (*Proposed Solution*)**F****ABSTRAK PROJECT** – Tidak Melebihi 200 patah perkataan (*Project Abstract – Not More Than 200 Words*)**G**Tarikh :
DateTandatangan Ketua Projek :
Project Leader's Signature:**KOMEN, (SEKIRANYA ADA) PENGESAHAN OLEH DEKAN/PENGARAH ATAU TIMBALAN DEKAN/PENGARAH (P&I)***Comments, (if any) Endorsement by Dean/Director or Deputy Dean/Director (R&I)***G**Tarikh:
DateTandatangan:
Signature**KOMEN, (SEKIRANYA ADA) PENGESAHAN OLEH PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI***(Comments, (if any) Endorsement by Director of Centre for Research and Innovation)*

4	<hr/> <hr/> <p>Tarih: <i>Date</i></p> <p>Tandatangan: <i>Signature</i></p>
---	--

100-1/7/1
6



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Aras 4, Blok Utara, Bangunan Canselori,
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS,
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Tel: 6088-320000 Samb. 1328 Faks : 6088-320127 Email : ric@ums.edu.my

Ruj : UMS/PPI1.3.2/800-1/2/3 100-1/7/1

Tarikh : 29 Januari 2016

SENARAI EDARAN SEPERTIMANA DI LAMPIRAN

YBhg. Dato' / Prof. / Dr. / Tuan / Puan,

**PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN & INOVASI) BIL 1/2016:
- Garis Panduan Skim Geran Inovasi, Universiti Malaysia Sabah (SGIUMS)**

Dengan hormat, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Dato' / Prof. / Dr. / Tuan / Puan, Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Bil 1/2016: Garis Panduan Skim Geran Inovasi, Universiti Malaysia Sabah (SGIUMS) telah dikeluarkan pada 26 Januari 2016 dan boleh dicapai melalui laman web Pusat Penyelidikan & Inovasi di url <http://www.ums.edu.my/ppiv2>

3. Sehubungan itu, mohon kiranya YBhg. Dato' / Prof. / Dr. / Tuan / Puan dapat memanjangkan makluman ini kepada semua kakitangan akademik di Fakulti/ Institut/ Unit masing-masing.

Segala perhatian dan kerjasama dari pihak YBhg. Dato' / Prof. / Dr. / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERTEKAD CEMERLANG"

Yang Ikhlas,


NURHANI SUGIANTO
Penolong Pendaftar Kanan
b.p Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

No. Telefon : 088-320000 (Samb. 1339)
No. Faks : 088-320127
Alamat Email : nurhani@ums.edu.my

S.k YBhg. Datuk Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Pendaftar
Pengarah, Pusat Penyelidikan & Inovasi
Timbalan Pengarah PPI (Penyelidikan / Instrumentasi / Inovasi)
Seksyen Maklumat & Korporat PPI – Muat naik di web PPI dan *Announcement* : Laman Rasmi UMS

SENARAI EDARAN

Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK)

Dekan, Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA)

Dekan, Fakulti Pemiagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP)

Dekan, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW)

Dekan, Fakulti Kejuruteraan (FKJ)

Dekan, Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP)

Dekan, Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan (FSMP)

Dekan, Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL)

Dekan, Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI)

Dekan, Fakulti Pertanian Lestari (FPL)

Dekan, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)

Pengarah, Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP)

Pengarah, Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB)

Pengarah, Institut Penyelidikan Bioteknologi (IPB)